

Sinar Harian (M/S 21) 28/02/2017

MyAngkasa Farmasi, HR tawar peluang perniagaan

ANGKATAN Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menerusi anak syarikatnya, MyAngkasa Farmasi Sdn Bhd menjalinkan kerjasama strategik bersama Kumpulan HR, syarikat pengeluar dan pengeksport produk kesihatan.

Menerusi kerjasama ini, MyAngkasa Farmasi dan Kumpulan HR menawarkan peluang perniagaan dalam program usahawanan 'Cocoa Pacak' dan program pembekalan produk-produk HR ke pasaran koperasi.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, kolaborasi ini akan meningkatkan pendapatan koperasi menerusi produk HR Marketing yang terpilih.

"Keistimewaan program ini adalah konsepnya yang lengkap dan bakal memberikan manfaat kepada koperasi dan ahli Angkasa.

"Selain latihan dan motivasi, Angkasa juga akan memberi



Abdul Fattah (tengah) menyaksikan pertukaran MOU oleh Hashim (tiga, kiri) dan Aliasak, semalam.

kan kemudahan modal pinjaman," katanya ketika ditemui pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) kolaborasi kerjasama strategik bersama

Kumpulan HR di Kelana Jaya, semalam.

Turut hadir, Pengerusi MyAngkasa Farmasi, Datuk Aliasak Ambia yang juga merupakan Naib

Presiden Angkasa.

Dalam pada itu, Pengerusi Eksekutif Kumpulan HR, Datuk Hashim Jahaya yakin program usahawanan tersebut akan lebih berkembang dengan jaringan pemasaran yang disediakan menerusi Angkasa.

"Program ini dilancarkan sejak tiga bulan lalu dan dalam tempoh tersebut, HR berjaya menjual sebanyak 1.5 juta cawan menerusi 200 peniaga Cocoa Pacak.

"Dengan kerjasama ini, saya menasarkankan 10,000 peniaga menjelang pertengahan tahun dengan jualan lebih tinggi," katanya.

Hashim berkata, HR juga bakal memasarkan kesemua produknya menerusi jaringan perniagaan tersebut.

Katanya, HR juga akan mempelbagaikan konsep perniagaan, termasuk menggunakan motosikal roda tiga dan 'food truck'